



[AIA General Berhad is licensed under the Financial Services Act 2013 and regulated by the Central Bank of Malaysia (Bank Negara Malaysia)]

PRODUCT DISCLOSURE SHEET

(Please read this Product Disclosure Sheet before you decide to take up **Motor Insurance**. Be sure to also read the general terms and conditions of the sample policy contract where applicable.)

AIA General Berhad

MOTOR INSURANCE – PRIVATE CAR

Date: 18 MAY 2023

Name	: _____		
Occupation	: _____		
Sex	: <input type="checkbox"/> Male	<input type="checkbox"/> Female	Date of Birth : _____ / _____ / _____
Vehicle No.	: _____	Make/Model : _____	Cubic Capacity : _____
	<input type="checkbox"/> Comprehensive		

1. What is this product about?

This policy provides insurance against liabilities to other parties for injury or death, damage to other parties' property, and accidental or fire damage to your vehicle or theft of your vehicle.

2. What are the covers/benefits provided?

The following are the type of covers provided in this policy:

TYPES	Third Party Cover	Third Party, Fire & Theft Cover	Comprehensive Cover
COVER Liabilities to third party for: • Injury • Death • Property loss/damage	√	√	√
Loss/damage to own vehicle due to accidental fire/theft	X	√	√
Loss/damage to own vehicle due to accident	X	X	√
Liabilities to driver & passengers of own vehicle (property, bodily injury, death)	X	X	X

Optional benefits that you may wish to purchase by paying additional premium:

- Windscreen damage
- Damage arising from flood and landslide
- Legal Liability to Passenger
- Legal Liability of Passenger for Negligent Act
- Additional Named Driver

Note:

It is an offence under the laws of the Republic of Singapore to enter the country without extending passenger liability cover to your motor insurance.

Duration of cover is for one year. You need to renew the insurance cover annually.

3. How much premium do I have to pay?

The total premium that you have to pay may vary depending on the no-claim-discount (NCD) entitlement and Our underwriting requirements:

		Annual Premiums
<ul style="list-style-type: none"> Standard cover: For sum insured of RM _____ * : RM 		
Less:	NCD entitlement (if any) _____ %	: (RM _____)
Sub-total 1		: RM
<ul style="list-style-type: none"> Additional cover: - Windscreen (SI - RM _____) : RM - Damage arising from flood and landslide : RM - Legal Liability to Passenger : RM - Legal Liability of Passenger for Negligent Act : RM - Additional Named Driver : RM _____ 		
Sub-total 2		: RM
Add:	Service Tax (6%)	: RM
	Stamp Duty	: RM _____ 10.00
The estimated total premium that you have to pay is		: RM _____

*This sum insured is based on the current market value of the vehicle based on reference to Insurance Services Malaysia-Automobile Business Intelligence (ISM-ABI) valuation database system.

Note:

i **Official Receipt** – Always insist for an official receipt for the premium paid and keep it as proof of your premium payment.

4. What are the fees and charges that I have to pay?

<u>Types</u>	<u>Amount</u>
Distribution Cost paid to intermediary (included in the premium)	: 10% of premium
Stamp Duty	: RM10.00
Service Tax	: 6% of annual premiums paid

5. What are some of the key terms and conditions that I should be aware of?

- **Duty of Disclosure** – You must disclose all material facts such as previous accidents and modification to engines. If you fail to do so, We may refuse your claim or any claim made by a third party against you. In such cases, you are personally liable for those claims.

- **Consumer Insurance Contract**

Pursuant to Paragraph 5 of Schedule 9 of the Financial Services Act 2013, if you are applying for this Insurance wholly for purposes unrelated to your trade, business or profession, you have a duty to take reasonable care not to make a misrepresentation in answering the questions in the Proposal Form (or when you apply for this insurance). You must answer the questions fully and accurately.

Failure to take reasonable care in answering the questions may result in avoidance of your contract of insurance, refusal or reduction of your claim(s), change of terms or termination of your contract of insurance.

The above duty of disclosure shall continue until the time your contract of insurance is entered into, varied or renewed with us.

In addition to answering the questions in the Proposal Form (or when you apply for this insurance), you are required to disclose any other matter that you know to be relevant to our decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied.

You also have a duty to tell us immediately if at any time after your contract of insurance has been entered into, varied or renewed with us any of the information given in the Proposal Form (or when you applied for this insurance) is inaccurate or has changed.

- **Non-Consumer Insurance Contract**

Pursuant to Paragraph 4(1) of Schedule 9 of the Financial Services Act 2013, if you are applying for this Insurance for a purpose related to your trade, business or profession, you have a duty to disclose any matter that you know to be relevant to our decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied and any matter a reasonable person in the circumstances could be expected to know to be relevant, otherwise it may result in avoidance of your contract of insurance, refusal or reduction of your claim(s), change of terms or termination of your contract of insurance.

The above duty of disclosure shall continue until the time your contract of insurance is entered into, varied or renewed with us.

You also have a duty to tell us immediately if at any time after your contract of insurance has been entered into, varied or renewed with us any of the information given in the Proposal Form (or when you applied for this insurance) is inaccurate or has changed.

- **Insured Value/Sum Insured** – You must ensure that your vehicle is adequately insured. New vehicle: sum insured = purchase price. Others: Sum Insured = market value of vehicle when policy is bought.

Under-insurance: – if sum insured is less than the market value, you are deemed as self-insuring the difference. In the event of a loss, you will only be partially compensated.

Over-insurance: – if sum insured is higher than market value, maximum compensation is the market value of the vehicle. You cannot profit from a claim (principle of indemnity).

Determination of market value of your vehicle is important to avoid under or over-insurance.

You are recommended to insure your vehicle based on our chosen valuation system to avoid under or over-insurance.

- **Average Clause** – It is applied when you suffer damage to your vehicle which is under-insured. Your claim will be reduced proportionately by the uninsured portion, e.g. if you have insured your vehicle up to 70% of the market value, We will only pay 70% of the total repair cost.
- **No-Claim-Discount (NCD)** – The premium payable may be reduced by your NCD entitlement. NCD is 'awarded' if no claim was made against your policy during the preceding 12 months of policy. Your NCD entitlement will depend on the class of your vehicle and number of years of continuous driving experience without any claim made against your insurance policy. You will lose your entire NCD entitlement once an own damage or a third party claim (if you are at fault in the accident) is made against your policy.
- **Excess** – It is the amount of loss you have to bear while We will pay for the balance of your vehicle damage claim. If you have an 'excess' on your policy, you must pay the amount of the 'excess' direct to the repairer.
- **What you should know when making a claim?**

If your car is involved in an accident:

- a) Take note of the names and addresses of all drivers involved, make/model and registration numbers of each vehicle, the drivers' licence numbers, the insurance particulars and names and addresses of witnesses.
- b) Make a police report within 24 hours and immediately notify Us in writing with full details.
- c) If your vehicle is damaged, you may either make an own damage claim or a third party claim:

Own Damage Claim – making a claim against your own comprehensive policy. However, you will lose your NCD entitlement.

Third Party Claim – if you are not at fault in the accident, you can submit the claim either directly to the insurance company of the party at fault, or if you have a comprehensive policy, to Us, without losing your NCD entitlement. You are encouraged to submit your claim to Us for speedier claims processing.

- d) For your own damage claim, you may refer your damage vehicle to any authorised workshops from PIAM. However, if we recommend or require that the repairs be done at our panel/authorised workshop, then you should take your car there as advised. We will send an insurance adjuster to assess the damage to your vehicle before authorising the repairs.
- **Betterment** – It is applied when in the course of repairing an accident damaged vehicle (age of vehicle is five years and above), an old part is replaced with a new franchise part. You will have to bear the difference in cost (depending on the age of your vehicle) as your repaired vehicle is in a better condition than it was before the accident.

Note:

- i If you do not receive the insurance policy after one (1) month from date of purchase, please contact Us.
- ii Please note that these limitations, terms and conditions as stated in this Product Disclosure Sheet are not exhaustive. Please refer to the Policy Contract for detailed benefits, limitations, terms and conditions. The contents of the Policy Contract shall prevail if there are any discrepancies between the Product Disclosure Sheet and the Policy Contract.

6. What are the major exclusions under this policy?

Your standard motor insurance policy DOES NOT cover:

- Your own death or bodily injury
- Your liability against claims from your passengers
- Theft of non-factory fitted vehicle accessories (car stereos, leather seats, sports rim, etc.) unless otherwise declared.
- Consequential loss, depreciation, wear and tear, mechanical or electrical breakdown failures or breakages; and
- Loss/damage arising from an act of nature e.g. flood, landslide.

However, you may pay additional premiums to cover some of the above exclusions e.g. flood or your liability against claims from your passengers. Windscreen cover is also useful extensions to consider for preserving your NCD in the event of a loss/damage. Please check for other exclusions and extension covers available with AIA General Berhad.

Note: This list is non-exhaustive. Please refer to the Policy Contract for the full list of exclusions under this policy.

7. Can I cancel my policy?

Yes, you may cancel your policy at any time by giving written notice to Us. Upon cancellation, you are entitled to a partial refund of the Premium but subject to minimum premium retention by Us provided you have not made a claim.

8. What is excess?

Excess is the first amount that must be borne by you for each and every claim that we approve, even if the incident is not your fault. In addition to the above excess, there is another type of Excess which is the Compulsory Excess of RM400 where it is payable if you or your authorised driver is under the aged of 21, holds a Provisional (P) or Learner (L) driver's licence or is not named in the Policy Schedule as a named driver.

9. What do I need to do if there are changes to my contact details?

It is important that you inform Us of any change in your contact details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner. You should also notify us of any changes made to the vehicle or ownership.

10. Do's and Don'ts – after you have had an accident or theft

√ **Do:**

- Inform us as soon as possible about any incident which may give rise to a claim;
- report all accidents to the police within 24 hours as required by law;
- submit immediately to us all letters, claims, writs and summons which you have received from third parties as a result of the incident;

- remove your car to a PIAM Approved Repairer or our approved panel repairer for repairs or windscreen repairs or replacement;
- fully fill up the relevant sections of your claim form – do not put “refer to police report”; and
- if you have a Comprehensive cover and the third party that knocked your car is clearly at fault, you are advised to submit own damage Knock-for-Knock (KfK) claim to us in order to expedite claims processing. Your NCD entitlement will not be affected and you can claim the excess that you had paid from the insurer of the third party.

X Don't:

- negotiate, admit or repudiate any claim without our consent; and
- authorise repair without our consent.

Note: Please visit Our website www.aia.com.my for the full list of AIA panel workshops.

11. Where can I get further information?

Should you require additional information about motor insurance, please refer to the insurance info booklet on 'Motor Insurance', available at any of Our Service Centre or you can visit www.insuranceinfo.com.my or Our website www.aia.com.my.

For further information, please contact Us at:

AIA General Berhad 201001040438 (924363-W)
 Menara AIA, 99 Jalan Ampang
 50450 Kuala Lumpur
 Care Line : 1300 88 1899
 Fax : 03-2056 2591
 E-mail : MY.GI-Ops@aia.com

12. Other types of motor insurance cover available:

Please ask AIA for other similar types of cover offered by AIA General Berhad.

13. AIA General Berhad is licensed under the Financial Services Act 2013 and is regulated by Bank Negara Malaysia.

IMPORTANT NOTICE:

YOU MUST ENSURE THAT YOUR VEHICLE IS INSURED AT THE APPROPRIATE AMOUNT AS IT WILL AFFECT THE AMOUNT YOU CAN CLAIM. IN THE EVENT OF AN ACCIDENT, YOU ARE ADVISED TO DEAL WITH APPROVED WORKSHOPS. IF YOU HAVE A COMPREHENSIVE COVER AND YOU ARE NOT AT FAULT, YOU ARE ADVISED TO SUBMIT YOUR CLAIM TO YOUR INSURANCE COMPANY. YOU SHOULD READ AND UNDERSTAND THE INSURANCE POLICY OR CONTACT THE INSURANCE COMPANY DIRECTLY FOR MORE INFORMATION.

This product is distributed through Bulat Hati Sdn. Bhd. and is underwritten by AIA General Berhad.

This information provided in this disclosure sheet is valid as at 18 MAY 2023.



[AIA General Berhad is licensed under the Financial Services Act 2013 and regulated by the Central Bank of Malaysia (Bank Negara Malaysia)]

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli **Insurans Motor**. Pastikan juga anda membaca terma-terma dan syarat-syarat am.)

AIA General Berhad

**INSURANS MOTOR -
KENDERAAN PERSENDIRIAN**

Tarikh: 18 MEI 2023

Nama	:	_____		
Pekerjaan	:	_____		
Jantina	:	<input type="checkbox"/> Lelaki <input type="checkbox"/> Perempuan	Tarikh Lahir	: _____ / _____ / _____
Nombor Kenderaan	:	_____	Buatan/Model	: _____
		<input type="checkbox"/> Komprehensif	Kapasiti Kubik	: _____

1. Apakah Produk ini?

Polisi ini memberi insurans terhadap liabiliti kepada pihak ketiga untuk kecederaan badan atau kematian, kerosakan harta benda pihak ketiga, dan kemalangan, kebakaran atau kecurian pada kenderaan anda.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Polisi ini menyediakan pelbagai jenis perlindungan seperti berikut:

JENIS	Perlindungan Pihak Ketiga	Perlindungan Pihak Ketiga, Kebakaran dan Kecurian	Perlindungan Komprehensif
PERLINDUNGAN Liabiliti terhadap pihak ketiga untuk: <ul style="list-style-type: none">• Kecederaan tubuh badan• Kematian• Kerugian atau kerosakan harta benda	√	√	√
Kerugian atau kerosakan kenderaan anda akibat kebakaran atau kecurian	X	√	√
Kerugian atau kerosakan kenderaan anda akibat kemalangan	X	X	√
Liabiliti terhadap pemandu dan penumpang kenderaan sendiri (harta benda, kecederaan tubuh badan, kematian)	X	X	X

Pilihan manfaat tambahan yang anda boleh beli dengan membayar premium tambahan:

- Kerosakan cermin kenderaan
- Kerosakan akibat banjir dan tanah runtuh
- Liabiliti dari segi Undang-undang terhadap Penumpang
- Liabiliti Penumpang Di Sisi Undang-undang Kerana Perbuatan Cuai
- Pemandu Dinamakan Tambahan

Nota:

Adalah menjadi satu kesalahan di bawah undang-undang Republik Singapura untuk memasuki negara itu tanpa membuat perlindungan tambahan liabiliti penumpang kepada insurans kenderaan anda.

Tempoh perlindungan adalah selama satu tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan insurans tersebut setiap tahun.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium yang perlu anda bayar mungkin berbeza bergantung pada kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan ("No-Claim-Discount" (NCD)) dan keperluan pengunderaitan kami:

		Premium Tahunan
<ul style="list-style-type: none"> Perlindungan Standard: Jumlah Diinsuranskan RM _____* : RM 		
Kurang:	Kelayakan NCD (jika ada) _____%	: (RM _____)
Jumlah Kecil 1		: RM
<ul style="list-style-type: none"> Perlindungan Tambahan: <ul style="list-style-type: none"> - Kerosakan cermin kenderaan (JD - RM _____) : RM - Kerosakan akibat banjir dan tanah runtuh : RM - Liabiliti dari segi Undang-undang terhadap Penumpang : RM - Liabiliti Penumpang Di Sisi Undang-undang Kerana Perbuatan Cuai : RM - Pemandu Dinamakan Tambahan : RM _____ 		
Jumlah Kecil 2		: RM
Tambah:	Cukai Perkhidmatan (6%)	: RM
	Duti Setem	: RM _____ 10.00
Anggaran jumlah premium yang anda perlu bayar adalah		: RM _____

*Jumlah Diinsuranskan adalah berdasarkan nilai pasaran semasa kenderaan tersebut berdasarkan rujukan kepada sistem Insurance Services Malaysia-Automobile Business Intelligence (ISM-ABI).

Nota:

i **Resit Rasmi** – Sentiasa berkeras untuk meminta resit rasmi selepas pembayaran premium dan menyimpannya sebagai bukti bayaran premium anda.

4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Jenis

Amaun

Komisen yang dibayar kepada perantara (termasuk dalam premium yang dibayar) : 10% daripada premium yang dibayar

Duti Setem : RM10.00

Cukai Perkhidmatan : 6% daripada premium yang dibayar

5. Apakah di antara terma-terma dan syarat-syarat utama yang patut saya ketahui?

- **Kewajipan Pendedahan** – Anda mesti menyatakan semua fakta penting seperti kemalangan dahulu dan sebarang pengubahsuaian pada enjin. Sekiranya anda gagal berbuat demikian, kami mungkin akan menolak tuntutan anda atau sebarang tuntutan yang dibuat oleh pihak ketiga terhadap anda. Dalam kes itu, anda perlu bertanggungjawab ke atas tuntutan itu secara peribadi.

- **Kontrak Insurans Pengguna**

Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan/ Permohonan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan tersebut dengan lengkap dan tepat.

Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan/Permohonan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan/Permohonan tidak tepat atau sudah berubah.

- **Kontrak Insurans Bukan Pengguna**

Menurut Perenggan 4(1) daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka tahu sebagai berkaitan, jika sebaliknya ini mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan/Permohonan tidak tepat atau sudah berubah.

- **Nilai Diinsuranskan/Jumlah Diinsuranskan** – Anda mesti memastikan kenderaan anda diinsuranskan dengan amaun yang sewajarnya. Kenderaan Baru: Jumlah Diinsuranskan = harga belian. Yang lain: Jumlah Diinsuranskan = nilai pasaran kenderaan anda pada masa anda membeli polisi ini.

Insurans Terkurang: – jika Jumlah Diinsuranskan untuk kenderaan anda adalah lebih rendah daripada nilai pasaran, perbezaan antara Jumlah Diinsuranskan dan nilai pasaran kenderaan anda adalah diinsuranskan sendiri dan akan ditanggung oleh anda. Sekiranya berlaku kerugian, anda perlu menanggung bahagian yang diinsuranskan sendiri daripada jumlah amaun tuntutan.

Insurans Terlebih: – jika Jumlah Diinsuranskan untuk kenderaan anda adalah lebih tinggi daripada nilai pasaran, maksimum pampasan adalah nilai pasaran kenderaan anda pada masa kerugian sahaja. Anda tidak boleh mendapat keuntungan daripada tuntutan (Prinsip Indemniti).

Menentukan nilai pasaran kenderaan anda adalah penting untuk mengelakkan daripada insurans terkurang atau terlebih.

Anda disyorkan untuk menginsuranskan kenderaan anda berdasarkan sistem penilaian pilihan kami untuk mengelakkan insurans terkurang atau terlebih.

- **Fasal Purata** – Ini digunakan apabila kenderaan anda yang kurang diinsuranskan mengalami kerosakan. Tuntutan anda akan dikurangkan secara berkadar oleh bahagian yang tidak diinsuranskan, contohnya, jika kenderaan anda diinsuranskan sehingga 70% daripada nilai pasaran, Kami hanya akan membayar 70% daripada jumlah kos pembaikan.
- **Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD)** – Premium yang dibayar boleh dikurangkan oleh kelayakan NCD anda. NCD boleh diberikan jika tiada tuntutan dibuat terhadap polisi anda dalam tempoh 12 bulan terdahulu. Kelayakan NCD anda bergantung kepada kelas kenderaan anda dan bilangan tahun pengalaman memandu berterusan anda tanpa tuntutan

terhadap polisi insurans anda. Keseluruhan kelayakan NCD anda akan hilang apabila tuntutan kerosakan sendiri atau pihak ketiga (jika anda bersalah dalam kemalangan) dibuat terhadap anda.

- **Ekses** – Ini adalah amaun kerugian yang perlu anda tanggung di mana Kami akan membayar baki tuntutan kerosakan kenderaan anda. Jika polisi anda mempunyai 'ekses', anda dikehendaki membayar 'ekses' terus kepada pembaikan.
- **Apa yang perlu anda tahu apabila membuat tuntutan?**

Jika kenderaan anda terlibat dalam kemalangan:

- a) Catatkan nama dan alamat semua pemandu yang terlibat, buatan/model dan nombor pendaftaran setiap kenderaan, nombor lesen pemandu, butir-butir insurans dan nama dan alamat saksi.
- b) Buat laporan polis dalam tempoh 24 jam dan maklumkan Kami dengan segera secara bertulis dengan butiran penuh.
- c) Untuk kerosakan kenderaan anda, sama ada anda boleh membuat Tuntutan Kerosakan Sendiri atau Tuntutan Pihak Ketiga:

Tuntutan Kerosakan Sendiri – Membuat tuntutan terhadap polisi insurans kenderaan anda sendiri. Bagaimanapun, anda akan hilang kelayakan NCD anda.

Tuntutan Pihak Ketiga – Jika anda tidak bersalah dalam kemalangan tersebut, anda boleh menyerahkan tuntutan tersebut sama ada secara terus kepada syarikat insurans pihak yang bersalah, atau jika anda mempunyai polisi komprehensif, kepada Kami tanpa menjejaskan kelayakan NCD anda. Anda digalakkan menyerahkan tuntutan kepada Kami bagi pemprosesan tuntutan yang lebih pantas.

- d) Untuk tuntutan kerosakan anda sendiri, anda boleh merujuk kenderaan anda yang rosak kepada mana-mana bengkel yang diluluskan dari PIAM. Walau bagaimanapun, jika Kami mengesyorkan atau meminta pembaikan dilakukan di panel/bengkel yang dibenarkan oleh Kami, maka anda perlu membawa kenderaan anda ke sana seperti yang dinasihatkan. Kami akan menghantar penyelaras insurans untuk menilai kerosakan kenderaan anda sebelum membenarkan pembaikan.
- **Penambahbaikan (“Betterment”)** – Ini berlaku semasa dalam pembaikan kenderaan anda yang rosak (umur kenderaan adalah lima tahun dan ke atas), alat lama digantikan dengan alat ganti asli. Anda perlu menanggung sebahagian kos alat ganti asli tersebut (bergantung pada umur kenderaan anda) ini menyebabkan kenderaan anda berada dalam keadaan yang lebih baik daripada keadaannya sebelum kemalangan berlaku.

Nota:

- i *Jika anda tidak menerima polisi insurans selepas satu (1) bulan daripada tarikh pembelian, sila hubungi Kami.*
- ii *Sila ambil perhatian bahawa had-had, terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam Helaian Pendedahan Produk ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk manfaat, had-had, terma-terma dan syarat-syarat yang terperinci. Kandungan di dalam Kontrak Polisi akan terpakai sekiranya terdapat sebarang percanggahan di antara Helaian Pendedahan Produk dan Kontrak Polisi.*

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi insurans motor standard anda TIDAK melindungi:

- Kematian atau kecederaan tubuh badan anda sendiri
- Liabiliti anda terhadap tuntutan daripada penumpang anda
- Kecurian aksesori kenderaan yang bukan dipasang di kilang (stereo kereta, kerusi kulit, rim sukan, dll.) melainkan diisytiharkan sebaliknya.
- Kerugian lanjutan, susut nilai, haus dan lusuh, kerosakan mekanikal atau elektrik atau pemecahan; dan
- Kerugian/kerosakan akibat kejadian semula jadi, contohnya, banjir, tanah runtuh.

Walaupun bagaimanapun, anda boleh membayar premium tambahan untuk melindungi beberapa pengecualian di atas, contohnya banjir atau liabiliti anda terhadap tuntutan daripada penumpang anda. Cermin kenderaan anda juga merupakan perlindungan tambahan untuk dipertimbangkan bagi mengekalkan NCD anda sekiranya berlaku kerugian/kerosakan. Sila rujuk kepada pengecualian lain dan perlindungan tambahan yang tersedia dengan AIA General Berhad.

Nota: *Senarai ini tidak menyeluruh. Sila merujuk kepada Kontrak Polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.*

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Ya, anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada Kami. Selepas pembatalan, anda berhak mendapat bayaran balik sebahagian daripada Premium tetapi tertakluk kepada pengkalan premium minimum oleh Kami dengan syarat anda belum membuat sebarang tuntutan.

8. Apakah itu ekses?

Ekses adalah amaun pertama yang anda terpaksa tanggung sendiri bagi setiap tuntutan yang kami luluskan, walaupun kejadian itu bukan salah anda. Sebagai tambahan kepada ekses di atas, ekses Wajib RM400 (tidak dibenarkan untuk dikecualikan) akan DIKENAKAN jika orang yang memandu Kereta Anda dengan izin Anda adalah di bawah umur 21 tahun, memegang lesen memandu Percubaan (P) atau Sementara (L); atau tidak dinamakan di dalam Jadual Polisi sebagai Pemandu Dinamakan.

9. Apakah yang perlu saya lakukan jika butir-butir hubungan/peribadi saya bertukar?

Ini adalah penting untuk anda memaklumkan Kami mengenai sebarang pertukaran pada butiran hubungan anda untuk memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya. Anda juga perlu memaklumkan kami tentang sebarang perubahan yang dibuat pada kenderaan atau pemilikan.

10. Perkara yang Patut dan yang Tidak Patut Dilakukan – setelah anda mengalami kemalangan atau kecurian

√ Patut Dilakukan:

- Maklumkan kepada kami secepat mungkin tentang sebarang kejadian yang barangkali berakhir dengan tuntutan;
- laporkan semua kemalangan kepada polis dalam tempoh 24 jam sepertimana yang dikehendaki oleh undang-undang;
- serahkan dengan segera kepada kami kesemua surat, tuntutan, writ, saman yang anda terima daripada pihak ketiga akibat kejadian tersebut;
- hantarkan kereta anda ke Bengkel Pembaikan yang Diluluskan oleh PIAM atau panel membaiki kereta yang diluluskan oleh syarikat insurans anda untuk dibaiki atau untuk membaiki cermin depan atau menggantikannya;
- isikan dengan lengkap bahagian yang berkaitan dalam borang tuntutan – jangan tulis “rujuk kepada laporan polis”; dan
- jika anda mempunyai perlindungan Komprehensif dan pihak ketiga yang melanggar kereta anda adalah jelas bersalah, anda dinasihatkan untuk membuat tuntutan kerosakan sendiri Knock-for-Knock (Kfk) kepada kami untuk mempercepatkan proses tuntutan. Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD) anda tidak akan terjejas dan anda boleh menuntut ekses yang anda telah bayar daripada syarikat insurans pihak ketiga.

X Tidak Patut Dilakukan:

- berunding, mengaku atau menolak sebarang tuntutan tanpa persetujuan kami; dan
- memberikan kebenaran untuk membaiki tanpa persetujuan kami.

Nota: Sila layari laman web Kami www.aia.com.my untuk senarai penuh bengkel panel AIA.

11. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Hendak anda memerlukan maklumat lanjut mengenai insurans motor, sila rujuk kepada buku “insuranceinfo” bertajuk “Insurans Motor”, yang boleh didapati dari mana-mana Pusat Perkhidmatan Kami atau layari laman web www.insuranceinfo.com.my atau laman web Kami www.aia.com.my.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

AIA General Berhad 201001040438 (924363-W)

Menara AIA, 99 Jalan Ampang

50450 Kuala Lumpur

Care Line : 1300 88 1899

Fax : 03-2056 2591

E-mail : MY.GI-Ops@aia.com

12. Perlindungan jenis lain yang serupa sedia ada:

Sila hubungi AIA untuk jenis perlindungan lain yang sama yang ditawarkan oleh AIA General Berhad.

13. AIA General Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia

NOTA PENTING:

ANDA MESTI MEMASTIKAN KENDERAAN ANDA DIINSURANSKAN DENGAN AMAUN YANG SEWAJARNYA KERANA IA AKAN MEMPENGARUHI AMAUN YANG ANDA BOLEH TUNTUT. JIKA BERLAKU KEMALANGAN, ANDA DINASIHATKAN SUPAYA BERURUSKAN DENGAN BENGKEL YANG DILULUSKAN. JIKA ANDA MEMILIKI PERLINDUNGAN KOMPREHENSIF DAN ANDA TIDAK BERSALAH, ANDA DINASIHATKAN SUPAYA MENYERAHKAN TUNTUTAN ANDA KEPADA SYARIKAT INSURANS ANDA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS ATAU HUBUNGI SYARIKAT INSURANS TERUS UNTUK MAKLUMAT SELANJUT.

Produk ini diedarkan melalui Bulat Hati Sdn. Bhd. dan ditaja jamin oleh AIA General Berhad.

Maklumat yang diberikan dalam helaian pendedahan produk ini adalah sah setakat 18 MEI 2023.